

# **BAB LIMA**

**5**

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pendahuluan

Negeri Terengganu merupakan sebuah negeri yang terkenal sejak dari zaman silam lagi. Negeri yang majoriti penduduknya berbangsa Melayu ini satu ketika begitu masyhur dengan kebudayaan dan adat istiadatnya yang tersendiri. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai perhubungan yang luas dengan kuasa-kuasa luar, Negeri Terengganu banyak menerima kesan daripada pengaruh yang dibawa masuk ke dalamnya.

Masyarakat Melayu tradisional Terengganu merupakan sebuah masyarakat yang kaya dengan pelbagai bentuk kesenian hiburan. Antara kesenian tersebut termasuklah kesenian tarian pulai, ulit mayang dan nobat. Ketiga-tiga kesenian tersebut mengandungi pengaruh-pengaruh yang dibawa masuk dari luar. Contohnya ialah pengaruh yang menjiwai tarian pulai yang merupakan kesinambungan daripada fahaman animisme , Hindu-Buddha dan Islam.

Kesenian termasuk ke dalam bidang kebudayaan. Ia mengandungi unsur-unsur falsafah dan nilai kehidupan yang tinggi. Saluran kesenian digunakan oleh

masyarakat pada waktu itu di dalam menyampaikan sesuatu tindak balas dengan alam sekitar. Ia merupakan kesenian yang mempunyai hubungan yang erat dengan suasana masyarakat yang masih lagi terbelenggu dengan kepercayaan kepada sesuatu yang dianggap ganjil.

Pengaruh kesenian yang begitu ketara dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, menyebabkan aktiviti yang dijalankan sentiasa terikat dengan pelbagai peraturan kesenian. Contohnya ialah di dalam mengubati pesakit yang akan dijalankan melalui upacara kesenian ulit mayang. Kesan yang timbul daripada perlakuan yang dijalankan itu mengakibatkan masyarakat masih lagi percaya kepada semangat atau kuasa-kuasa yang tertentu sebagaimana kepercayaan kepada puteri bertujuh di dalam upacara pengubatan ulit mayang.

Namun persoalan yang harus diberi perhatian ialah apakah bentuk kesenian yang diamalkan itu mematuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh Islam? Di samping itu juga kesan-kesan yang timbul juga lebih banyak menjurus ke arah keburukan berbanding dengan nilai-nilai yang boleh dijadikan tauladan. Hakikat inilah yang perlu diketengahkan dalam membicarakan kesenian yang diamalkan oleh masyarakat pada masa yang lalu itu.

## 5.2 Ulasan Kajian

Perkembangan kebudayaan ke arah lebih moden selaras dengan peredaran masa menjadikan kesenian yang diamalkan turut berubah. Namun begitu, kesenian tradisional masih lagi cuba dipertahankan dalam bentuk yang asli oleh sesetengah pihak. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Prof. Diraja Ungku Aziz turut menyokong supaya muzik tradisional wajar-dipelihara sebagaimana keadaan asalnya termasuk penggunaan alat-alat muzik tradisi.<sup>155</sup>

Manakala saudara S. Atan pula berpendapat, usaha untuk menjaga dan mengawal kesenian muzik tradisional adalah penting dalam bentuknya yang asal untuk dinikmati oleh generasi yang akan datang.<sup>156</sup> Di samping itu, kajian mengenai rahsia yang tersirat di sebalik kesenian yang lalu perlu dijalankan bagi mempastikan tujuan sebenar sesuatu kesenian.

Hal yang sama turut dibangkitkan oleh seorang peminat muzik tradisional iaitu saudara Mohd. Kamal bin Ismail. Beliau menegaskan bahawa kesenian tradisional itu wajar dikaji kerana ianya mencerminkan tentang budaya kehidupan masyarakat Melayu pada masa lalu. Menurutnya, muzik tradisional adalah penting

<sup>155</sup> Ucapan Prof. Diraja Ungku Aziz pada majlis Simposium Arah Muzik Melayu di Alaf Baru, Utusan Malaysia, 23 April 2000

<sup>156</sup> S. Atan ialah pencipta lagu dan penerbit album lagu-lagu pop tradisional, Utusan Malaysia, 27 April 2000

dikekalkan dalam bentuknya yang asal kerana ia merupakan aset penting warisan masyarakat zaman dahulu.<sup>157</sup>

Daripada temubual dan kajian yang telah dilakukan itu, penulis mendapati apa yang sering dilaung-laungkan oleh masyarakat terhadap kesenian tradisional ialah dari sudut pemeliharaannya sahaja. Masyarakat masih lagi tidak peka terhadap unsur-unsur yang terdapat di dalamnya yang perlu dinilai sama ada ia halal atau pun haram. Mereka hanya membincangkan tentang masalah kesenian dari sudut hiburan semata-mata. Pada masa yang sama mereka lupa kepada perkara yang lebih utama iaitu kesenian dari sudut agama.

Dengan yang demikian, penulis berpendapat kajian yang dilakukan ini adalah bertepatan dengan masa sekarang. Penjelasan tentang masalah halal dan haram yang terdapat di dalam kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional ini boleh dijadikan panduan dalam menentukan hukum kesenian yang diamalkan kini. Di samping itu, kajian yang dilakukan ini juga menunjukkan terdapat banyak penyelewengan berlaku dalam kesenian hiburan yang diamalkan pada masa lalu. Hakikat inilah yang cuba dibangkitkan oleh penulis bagi memperbetulkan kembali supaya kesenian yang diamalkan supaya tidak terkeluar dari landasan yang telah digariskan dalam Islam.

<sup>157</sup>

Temu bual pada 22 September 2000, beliau pernah menyertai kursus kesenian yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### **5.3 Saranan dan Kesimpulan**

Di dalam kajian yang dilakukan ini, penulis telah mengemukakan ciri-ciri kesenian yang dibenarkan di dalam Islam. Pembetulan di dalam kesenian yang diamalkan perlu dilakukan segera supaya oleh pihak yang bertanggung jawab agar ia bersih daripada segala perkara yang menyeleweng. Penghayatan nilai-nilai murni di dalam kesenian perlu diketengahkan oleh penggiat-penggiat seni.

Penulis telah membuat beberapa kesimpulan serta saranan daripada kajian yang dilakukan ini. Antaranya ialah:

- 1- Kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional Terengganu merupakan hiburan yang turut membabitkan kepercayaan-kepercayaan. Contohnya ialah kepercayaan kepada semangat padi dalam tarian pulai.
- 2- Kepercayaan-kepercayaan yang bertentangan dengan Islam yang terdapat dalam bidang kesenian ( sesetengahnya masih diamalkan hingga kini ), hendaklah segera ditinggalkan. Contohnya ialah nasi kuning yang digunakan untuk memujuk dan memulihkan semangat.
- 3- Penguatkuasaan dengan lebih ketat perlu dilakukan ke atas bidang kesenian supaya orang ramai terutamanya golongan muda-mudi tidak terpedaya dan terpengaruh dengan budaya kuning yang disebarluaskan melalui kesenian. Contohnya ialah gejala berpeleseran antara muda-mudi.

- 4- Proses Islamisasi perlu dilakukan dalam bidang kesenian dengan memberikan penjelasan kepada para seniman dan orang ramai tentang kesenian yang sebenar.
- 5- Kesenian yang diamalkan itu perlu diseragamkan dengan kesenian yang terdapat di dalam Islam.
- 6- Garis panduan yang jelas perlu diwujudkan bagi mengelak orang ramai daripada terpengaruh dengan kesenian yang boleh merosakkan akidah. Contohnya ialah mengharamkan segala bentuk kesenian yang jelas melanggar syariat agama.
- 7- Satu garisan pemisah perlu diperjelaskan kepada umum oleh pihak yang bertanggung jawab berkenaan dengan perkara-perkara yang dibenarkan dalam kesenian dan yang sebaliknya. Contohnya ialah memperkenalkan kod kesenian yang dibenarkan oleh Islam.
- 8- Penekanan kepada aspek-aspek positif yang terdapat di dalam kesenian harus diserlahkan supaya ianya dapat dijelmakan sebagai pengajaran yang berguna dalam kehidupan.
- 9- Saluran kesenian hiburan boleh digunakan di dalam menyampaikan mesej dakwah kepada orang ramai. Contohnya ialah nasyid.
- 10- Pada asasnya kesenian itu adalah halal selagi ia tidak melanggar batas-batas yang telah ditetapkan oleh syariah.

#### **5.4 Penutup**

Kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional, merupakan satu warisan berharga yang patut dijaga dan dipelihara. Pada masa yang sama pembetulan perlu dilakukan pada aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalamnya supaya ia selari dengan kehendak Islam. Kepercayaan-kepercayaan yang bertentangan dengan Islam perlulah dikikis dan dibuang. Di samping itu nilai-nilai yang murni perlulah dikekalkan dan ditambah supaya kesenian yang diamalkan itu mendatangkan manfaat. Kesenian kini merupakan kegemaran ramai yang boleh dijadikan sebagai saluran dakwah yang boleh membantu mempertingkatkan kemurnian yang terdapat di dalam Islam. Justeru itu, kerjasama yang erat perlu dijalankan antara para alim-ulama dan seniman ke arah melahirkan seni yang mampu menyalurkan maklumat yang berguna kepada umat Islam.